

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 25**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-**

- (a) matlamat capaian kelajuan internet negara, agar jurang kelajuan internet di luar bandar dan bandar dapat dikurangkan; dan
- (b) usaha kementerian untuk memantau kualiti perkhidmatan internet yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan yang dikatakan mahal tetapi terlalu perlahan oleh orang ramai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan jurang kelajuan internet di luar bandar dan bandar dapat dikurangkan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mensasarkan peningkatan kelajuan capaian jalur lebar di kawasan pinggir dan luar bandar adalah sehingga 20Mbps berbanding

## SOALAN NO: 25

sekarang iaitu hanya 2Mbps sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi mencapai sasaran ini akan dibuat secara berperingkat iaitu penambahbaikan infrastruktur dari semasa ke semasa.

Buat masa ini, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan masih sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) di mana infrastruktur jalur lebar talian tetap yang berkelajuan sehingga 4Mbps disediakan melalui projek ini dan tertumpu di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, bagi perkhidmatan mudah alih, Kementerian turut memperluaskan liputan selular melalui pembinaan menara komunikasi baharu selain menaik taraf liputan 3G bagi menara komunikasi sedia ada.